

12/03/1997

Anak Yahaya sertai DRB-Hicom

Radzi Wahab; Mutazar Abd Ghani

KUALA LUMPUR, Selasa - DRB-Hicom akan melantik anak Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad sebagai ahli lembaga pengarah pelbagai syarikat milik kumpulan itu, selepas mereka mencapai usia matang.

Pengerusi kumpulan itu, Datuk Mohd Saleh Sulong, berkata beliau akan memastikan empat anak Allahyarham terus diberi perlindungan dan perhatian.

"Bagaimanapun, saya menganggap soal ini terlalu peribadi untuk dibincangkan secara terperinci kecuali saya sudah mempunyai persefahaman dengan Allahyarham Tan Sri Yahaya mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita selepas mengetuai 160 pengurusan kanan kumpulan DRB Hicom dalam pertemuan 45 minit dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri, petang ini.

Allahyarham Yahaya yang terkorban bersama isterinya, Puan Sri Rohana Othman dalam nahas helikopter di Kuala Lipis, Pahang, minggu lalu, meninggalkan empat orang anak, Yatina, 24, Ahmad Othman, 22, Ahmad Faez, 21, dan Nadiya, 13.

Yatina sudah mendirikan rumah tangga, Ahmad Othman dan Ahmad Faez sedang belajar di England, manakala Nadiya belajar di ibu negara.

Saleh yang enggan mengulas maksud 'umur matang' berkata, anak Allahyarham perlu menamatkan pelajaran mereka terlebih dahulu sebelum bersedia memikul tanggungjawab sebagai ahli lembaga pengarah.

Mengenai pertemuan dengan Perdana Menteri itu, Saleh berkata ia diadakan bukan kerana pengurusan kanannya hilang keyakinan terhadap syarikat mereka sehingga terpaksa mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir.

Sebaliknya, pertemuan itu memang diatur bagi memastikan semua pegawai utama syarikat mengetahui secara langsung daripada Perdana Menteri mengenai sokongan kerajaan.

"Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri menjelaskan keputusan untuk menyokong kumpulan ini adalah keputusan Kabinet. DRB-Hicom adalah satu kumpulan besar dan kami mengendalikan banyak projek yang membabitkan kepentingan orang ramai.

"Sesuatu yang tidak positif akan memberi kesan kepada ekonomi, terutama pertukaran saham. Jadi, mesej Dr Mahathir itu penting bukan saja kepada orang ramai, tetapi juga bagi mereka yang berkhidmat dengan syarikat," katanya.

Dalam pertemuan berkenaan, Perdana Menteri bukan saja mengulangi sokongan penuh kerajaan terhadap projek DRB-Hicom yang sedia ada, tetapi juga yang membabitkan projek syarikat pada masa depan.

Menurutnya, ucapan Dr Mahathir kepada pekerja kumpulan itu sungguh memberangsangkan, terutama dalam memastikan kesinambungan terhadap usaha yang pernah dipelopori Allahyarham Yahya.

Saleh juga melahirkan keyakinan harga saham kumpulan DRB-Hicom akan meningkat dan stabil semula beberapa hari lagi berikutan jaminan berterusan kerajaan untuk menyokong kegiatan dan operasi kumpulan.

"Secara relatifnya, saya gembira dengan prestasi harga saham kumpulan DRB-Hicom sejak ia disenaraikan semula di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kelmarin. Ini kerana hanya berlaku sedikit kemerosotan dalam harga saham terbabit, iaitu pada keseluruhannya kurang daripada lima peratus.

"Ia tidak begitu teruk. Saya percaya serta yakin dan berharap pemegang saham akan berkongsi keyakinan yang sama bahawa harga kaunter terbabit akan naik dan stabil semula dalam tempoh beberapa hari akan datang," katanya.

Beliau percaya saham dalam kumpulan DRB-Hicom akan terus mendapat sokongan dan keyakinan pelabur, berdasarkan beberapa faktor iaitu asas syarikat dalam kumpulan yang kukuh; sokongan berterusan daripada kerajaan dan pihak yang berurusan dengan kumpulan seperti bank, pembekal dan vendor serta kumpulan juga masih kukuh kerana tiada berlaku sebarang peletakan jawatan dan sebagainya.

"Malah saya menerima banyak sokongan dan jaminan daripada pengurusan," katanya.

Saham kumpulan DRB-Hicom yang disenaraikan ialah DRB, Hicom, Proton, EON, Gadek, Gadek Capital, Kedah Cement, Golden Pharos dan Eastern Pacific Industrial Corporation (EPIC), yang secara terkumpul menyumbang 10 peratus kepada pengukuran tanda aras di BSKL.

(END)